

Najib dakwa 5 pegawai 1MDB berkonspirasi dengan Jho Low

Kesemua individu berulang kali ke kediaman ahli perniagaan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, bahawa wujud konspirasi di antara beberapa bekas pegawai pengurusan tertinggi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk terbabit dalam salah laku skandal kewangan syarikat pelaburan strategik negara itu.

Kesemua individu yang dimaksudkan bekas Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan itu ialah bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi dan Mohd Hazem Abdul Rahman; bekas peguam 1MDB, Jasmine Loo; bekas Pegawai Khasnya, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin dan bekas Ketua Pegawai Kewangan, Azmi Tahir.

Najib berkata, semua individu berkenaan yang juga saksi pendakwaan, berkonspirasi dengan

Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low dan mereka berulang kali ke kediaman ahli perniagaan itu.

“Ini jelas menunjukkan tahap konspirasi individu ini dengan Jho Low. Untuk rekod, saya tidak pernah pergi ke kediaman Jho Low, malah saya juga tidak tahu rumahnya berada di Jalan Kia Peng,” katanya.

Semua individu itu sebelum ini memberi keterangan mengenai budaya kerja secara silo (kerja dalam komuniti sendiri) dan ‘pendekatan dari atas ke bawah’ di mana mereka percaya arahan atau pelan tindakan daripada Jho Low mendapat restu dan persetujuan daripada Najib dan mesti dilaksanakan.

Sementara itu, Najib berkata, adalah mudah untuk meletakkan kesalahan kepadanya atas apa yang berlaku kepada 1MDB kerana ia untuk melindungi individu lain yang terbabit dalam salah laku berkenaan.

Katanya, mudah bagi Shahrol Azral, Amhari, Hazem, Azmi, dan Jasmine menyalahkan beliau kerana naratifnya adalah untuk melindungi mereka daripada kebertanggungjawaban terhadap aktiviti jenayah yang mereka lakukan secara sedar bagi pihak Jho Low.

“Tiada bukti mengenai dakwaan



Najib hadir bagi perbicaraan kes 1MDB di Mahkamah Tinggi, semalam.

(Foto BERNAMA)

itu (bekerja secara silo), apa lagi yang boleh dilakukan oleh individu pembohong ini selain mempertahankan diri dengan masing-masing mendakwa mereka berfikir untuk JhoLow yang mewakili saya.

“Dakwaan ini tidak masuk akal, ia hanya muncul semasa perbicaraan dan kesimpulan yang tidak dapat ditolak ialah

saksi pendakwaan sebelum perbicaraan sudah sepakat meletakkan semua kesalahan kepada saya,” katanya.

Nafi budaya kerja silo

Najib juga menafikan wujud struktur budaya kerja secara silo dalam pentadbirannya di Pejabat Perdana Menteri.

Beliau berkata, arahan khusus

dikeluarkan kepada individu yang ditetapkan seperti dikehendaki operasi peringkat tinggi.

“Apabila saya mengeluarkan arahan khusus, ia diarah kepada individu tertentu. Ini bukan pendekatan ‘silo’ tetapi protokol yang agak standard untuk melindungi kerahsiaan dan integriti kerja Perdana Menteri,” katanya.